

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Berapakah bilangan pelajar yang tercicir di Negeri Pulau Pinang dari segi akademik?
- (a) Apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang mendapati keciciran pelajar berlaku semasa berlakunya transisi dari darjah 6 ke tingkatan 1 dan tingkatan 3 ke tingkatan 4. Pada tahun 2020 iaitu sehingga Mac 2020, sejumlah 14 pelajar tercicir semasa transisi darjah 6 ke tingkatan 1 dan 145 pelajar tercicir semasa transisi tingkatan 3 ke tingkatan 4.
- (a) Jabatan Pendidikan Negeri melalui Sektor Pengurusan Sekolah, Sektor Pembangunan Murid dan semua Pejabat Pendidikan Daerah melaksanakan intervensi dan program seperti berikut untuk mengatasi masalah keciciran pelajar:
- (i) Program Ziarah Cakna di mana pengurusan sekolah akan melawat pelajar di rumah masing-masing bagi meneliti keadaan pelajar;
- (ii) Pelaksanaan program Penang Prihatin di mana pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah akan mengesan pelajar di daerah masing-masing;
- (iii) Jabatan Pendidikan Negeri akan mengenal pasti dan memberikan kaunseling kepada pelajar yang dilihat berpotensi untuk tercicir daripada akademik; dan

- (iv) Jabatan Pendidikan Negeri melalui pengurusan sekolah akan menghantar surat peringatan kepada ibu bapa pelajar yang tercicir daripada akademik.